

29 NOV 1999

DR MAHATHIR BERADA DI IBU PEJABAT UMNO

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di ibu pejabat Umno untuk mengikuti keputusan pilihan raya umum.

Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) tiba di ibu pejabat parti yang terletak di tingkat 39 Menara Dato Onn pukul 9 malam.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob selaku pengarah pilihan raya BN ialah antara yang hadir.

Kira-kira 200 wartawan tempatan dan asing telah membanjiri aras empat Pusat Dagangan Dunia Putra yang bersebelahan. Mereka juga boleh mengikuti keputusan pilihan raya yang disiarkan melalui skrin yang dipasang khas di sana.

Sehingga pukul 11 malam, BN telah memenangi 35 kerusi parlimen daripada 39 kerusi yang diumumkan.

-- BERNAMA

ES FAZ